



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR LAWATAN RASMI YB TIMBALAN MENTERI PELANCONGAN KE MTPKL



YB Dato' Ir Donald Lim Siang Chai berbual dengan kakitangan DBKL sewaktu melawat Majlis Tindakan Perlancongan Kuala Lumpur - *Gambar Berita Bandaraya*

Pelbagai usaha dalam menaiktaraf dan memperindahkan Kuala Lumpur sebagai persiapan menyambut Tahun Melawat Malaysia 2007 sedang giat dijalankan. Di samping itu usaha mempelbagaikan produk perlancongan turut dilaksanakan untuk menambah bilangan produk perlancongan yang sedia ada di Bandar Raya Kuala Lumpur.

Berkaitan dengan usaha tersebut, satu taklimat kepada YB Dato' Ir Donald Lim Siang Chai, Timbalan Menteri Pelancongan oleh Majlis Tindakan Pelancongan Kuala Lumpur (MTPKL) telah diadakan pada 18 Mei 2006 bertempat di Menara DBKL 2, Bandar Wawasan. Antara taklimat pembincangan produk perlancongan yang telah diberikan oleh MTPKL dan DBKL ialah mengenai aktiviti yang sedang dirancang dan sedang giat dijalankan seperti pembangunan KL Information Kiosk (KLIK!), Little India di

Brickfields, penyediaan kemudahan tandas awam dan juga aspek kebersihan serta pengindahan Bandar Raya Kuala Lumpur.

Selepas selesai taklimat, Timbalan Menteri tersebut telah mempengerusikan sesi dialog yang melibatkan DBKL, MPTKL, Malaysian Association of Tour and Travel Agents (MATTA), Malaysian Association of Hotels (MAH), Kuala Lumpur Tourist Guide Association (KLPGA) dan pengurusan KLCC bagi membincangkan pelbagai cara untuk menangani isu-isu dan masalah-masalah yang mungkin timbul semasa Tahun

Melawat Malaysia nanti. Adalah diharapkan melalui usaha ini Kuala Lumpur akan lebih bersiap sedia dalam menghadapi Tahun Melawat Malaysia 2007.



Pihak Pengurusan KLCC turut hadir mendengar penerangan yang diberikan oleh DBKL bagi persiapan menyambut Tahun Melawat Malaysia 2007 - *Gambar Berita Bandaraya*

DARI MEJA DATUK BANDAR



Seperti yang kita semua sedia maklum, Rancangan Malaysia Ke 9 (RMK9) yang telah dilancarkan pada awal tahun ini adalah berteraskan kepada usaha untuk meningkatkan nilai tambah ekonomi, memupuk minda kelas pertama di kalangan rakyat Malaysia, menangani ketidakseimbangan sosio ekonomi, mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan negara dan meningkatkan keupayaan pengetahuan, kreativiti dan ekonomi serta meningkatkan mutu hidup rakyat.

Selaras dengan itu, DBKL telah mewujudkan beberapa program dan projek bagi memberi peluang kepada semua kaum menceburi bidang ekonomi. Sebanyak 20 projek pasar dan pusat penjaja dengan kos sebanyak RM 231.47 juta sedang dan akan dilaksanakan untuk mencapai matlamat tersebut. Segala perancangan dan pelaksanaan projek-projek yang dilakukan ini telah mengambil kira ciri-ciri 'futuristic' yang lebih banyak menggunakan mesin-mesin tanpa menggunakan seratus peratus tenaga manusia.

Dalam pada itu, pelaburan swasta juga menjadi salah satu agenda RMK9. Pelbagai usaha dilakukan oleh DBKL untuk menarik pelabur-pelabur dan meningkatkan infrastruktur termasuklah menyediakan sistem pengangkutan maklumat bersepadu (ITIS), pengangkutan dan kemudahan awam. Di samping itu, DBKL juga menyediakan kemudahan ICT seperti e-perolehan serta Intranet DBKL yang membolehkan maklumat dan aktiviti DBKL dilayari oleh bakal-bakal pelabur. Pembangunan di kawasan kampung-kampung tradisi juga diberi perhatian kerana dengan adanya pembangunan, kadar harga tanah akan meningkat seterusnya menarik minat para pelabur

membangunkan kawasan tersebut.

Bagi meningkatkan kualiti hidup warga kota, DBKL menyediakan kemudahan-kemudahan prasarana seperti taman-taman rekreasi, pusat komuniti, padang dan lain-lain lagi. Dengan adanya kemudahan-kemudahan ini, ia akan memudahkan warga kota menjalankan kegiatan riadah. Rangkaian jalan raya juga dipertingkatkan seperti menyambung "Missing Link" bagi tujuan mempercepatkan tempoh perjalanan dari satu tempat ke tempat lain.

Di dalam RMK9 juga sektor perlancongan turut dititikberatkan. Kemudahan prasarana dibina dan dinaiktaraf untuk mewujudkan "Bandar Selamat". DBKL telah bekerjasama dengan pihak polis, persatuan penduduk dan organisasi-organisasi lain dalam menangani masalah jenayah yang berlaku di Kuala Lumpur. Sistem CCTV juga dipasang di tempat-tempat strategik. Lorong-lorong pejalan kaki juga telah dipasang lampu jalan dan laluan pejalan kaki dipisahkan dengan laluan motorsikal dengan penanaman pokok-pokok hiasan dan meletakkan tiang-tiang pemisah (bollards). Kemudahan-kemudahan awam yang rosak dan usang juga diperbaiki dan dinaiktaraf. Konsep bandar raya selamat ini juga diaplikasikan di dalam skim projek perumahan yang baru di mana aspek keselamatan ditekankan di dalam rekabentuk bangunan.

Semasa merangka dan meluluskan sebarang perancangan pembangunan, ketelitian diperlukan agar apa yang dirangka dan dirancang bertepatan dengan keperluan warga Kuala Lumpur yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat. Ini juga adalah sejajar dengan visi DBKL yang menekankan prinsip-prinsip pembangunan mampan bagi mencapai pembangunan yang seimbang daripada segi ekonomi, sosial, fizikal serta spiritual dan persekitaran.

Pandangan

Berita Bandaraya menjadi sumber informasi mengenai perkhidmatan dan aktiviti DBKL khususnya kepada warga kota dan orang ramai lainnya. Pandangan anda mengenai perkhidmatan DBKL boleh disampaikan kepada **Sidang Redaksi Berita Bandaraya**, Bilik Mesyuarat Awam & Antarabangsa, Tingkat 5 Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur. e-mel: akhbar@dbkl.gov.my Tel: 03-2617 9803 Faks: 03-2694 1373. Sila nyatakan nama, jawatan, agensi, alamat surat-menyurat, nombor telefon, faksimili dan alamat e-mel semasa menghantar pandangan anda. Terima kasih.

Sayangi Kuala Lumpur

Sidang Redaksi

Penasihat: Y. Bhg. Datuk Hj. Ruslin Bin Hj. Hasan
Ketua Editor: Tuan Hj Salleh Bin Yusup
Editor: Anwar Bin Mohd Zain
Sub-Editor: Nur Diana Bt Md Ghazali
Jurufoto: Abd. Rhani Bin Md. Shohor
Md Ismail Bin Isnin


KURSUS BAHASA INGGERIS BAGI TAHUN MELAWAT MALAYSIA

Tahun Melawat Malaysia yang bakal diadakan pada tahun 2007 dijangka akan menarik lebih ramai pelancong dari luar negara ke Kuala Lumpur, ibu kota Malaysia. Menyedari bahawa Bahasa Inggeris merupakan bahasa yang paling banyak digunakan oleh para pelancong dari luar Negara sebagai bahasa perantara, maka Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengambil langkah memperlengkapkan para pegawai dengan kemahiran bertutur dalam bahasa tersebut.

Justeru, seramai 25 orang pegawai daripada Jabatan Keselamatan dan Penguatkuasaan telah dihantar menghadiri Kursus Bahasa Inggeris siri 1/2006 pada 22 - 26 Mei yang lalu untuk memantapkan penguasaan mereka terhadap bahasa tersebut. Kakitangan tersebut telah diberikan keutamaan memandangkan bidang kerja mereka memerlukan mereka berkomunikasi dengan orang ramai termasuklah para pelancong dari luar negara.

Kursus selama 5 hari yang telah dikendalikan oleh *Open University Malaysia (OUM)* dan *International Centre For English Language (InCEL)* tersebut adalah bagi tahap permulaan (beginner) sehingga tahap lanjutan (advanced) dengan memberi fokus kepada aspek mendengar, membaca, bercakap dan juga menulis di dalam Bahasa Inggeris.

Para peserta juga telah didedahkan kepada cara yang sesuai untuk bercakap melalui telefon, menunjuk arah, menerima aduan, menerangkan sesuatu perkara dan bagaimana untuk menyambut tetamu.



Tuan Haji Mhd Amin Nordin b. Abd Aziz memberi ucapan ketika merasmikan Kursus Bahasa Inggeris Siri 1/2006 - Gambar Berita Bandaraya

Di dalam ucapan semasa Majlis Perasmian Kursus Bahasa Inggeris yang telah diadakan pada 17 Mei 2006, Tuan Haji Mhd Amin Nordin b. Abd Aziz, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan DBKL, berharap agar setiap peserta mempunyai inisiatif sendiri bagi mempertingkatkan kebolehan bertutur dalam Bahasa Inggeris dengan menggunakan teknik yang telah diperolehi daripada kursus tersebut. Beliau juga mengingatkan peserta agar sentiasa menggunakan bahasa berkenaan kerana dengan amalan yang berterusan akan dapat membantu mempertingkatkan penguasaan Bahasa Inggeris mereka.



Tuan Haji Mhd Amin Nordin b. Abd Aziz bersalaman dengan para peserta kursus sewaktu di majlis perasmian- Gambar Berita Bandaraya

Talian Kecemasan:

Unit Hal Ehwal Awam & Antarabangsa - Aduan Awam
(8 pagi - 5 petang) - 03-2617 9925

Tol Bebas Telekaunseling (24 jam)
- 1800 882 600

Direktorat Penguatkuasaan (24 jam)
- 03-4022 0033 / 4024 4424

Skuad Penyelamat (24 jam) - 03-4023 1033 / 4023 1133

Unit Kecemasan (24 jam) - 03-9284 3636 / 3434 / 3433

Rakan Cop

Negeri	Hotline
Kuala Lumpur	03-2115 9999
Selangor	03-2052 9999
Perlis	04-971 1999
Kedah	04-739 2999
Pulau Pinang	04-269 1999
Perak	05-240 1999
Melaka	06-285 1999
Johor	07-221 2999
Terengganu	09-635 4999
Kelantan	09-745 0999
Pahang	09-515 1999
Sabah	088-318 555
Sarawak	082-240 800